



Action canceled

Internet Explorer was unable to link to the

Kini, Sini, Terkini

Khamis, 03 Jun 2004

Mukadepan Setempat Mahkamah Bisnes Bintang Arena Tanya Pakar Fokus Berita Utama



Action canceled



BISNES

Firma bantu usahawan

Oleh Munir Ana'am Zuljadan
am@hmetro.com.my

FRANCORP Malaysia Sdn Bhd bakal menjadi pusat sehenti francaisor tempatan dan usahawan tempatan yang memerlukan bantuan memasuki rangkaian pasaran francais antarabangsa.

Firma pembangunan francais itu berupaya mencipta jaring pasaran baru buat francaisor tempatan berikutan memiliki 12 pejabat di sembilan negara.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Affandy Abd Raof Faiz menjelaskan, Francorp mempunyai kekuatan itu berdasarkan pengalaman 30 tahun menerajui segmen pembangunan perniagaan francais global.

"Francorp Malaysia sebenarnya baru ditubuhkan. Tapi, Francorp memiliki rangkaian pasaran francais yang luas dan membangunkan lebih 2,000 francaisor di seluruh dunia," katanya.

Menurutnya, antara francaisor memperoleh khidmat Francorp ialah Kentucky Fried Chicken (KFC), Omni Hotels, USA Baby, Auntie Anne's Pretzels, Shell dan BP Amoco.

Sehubungan itu, katanya, Francorp mempunyai kredibiliti untuk memberi bantuan kepada francaisor tempatan mencuba nasib di jaring pasaran lebih luas.

Menurutnya, Francorp Malaysia ditubuhkan untuk membantu kerajaan mewujudkan 50 francaisor dan 1,000 francais dalam tempoh lima tahun ini.

"Oleh itu, Francorp mempunyai modul tersendiri untuk membantu usahawan mengembangkan perniagaan berpotensi mereka kepada francais.

"Kami akan bekerjasama dengan Persatuan Francais Malaysia (MFA) dan Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) selain pejabat cawangan Francorp di seluruh negara," katanya.

Menurutnya, Francorp Malaysia mempunyai kelebihan kerana sudah memiliki jaringan pasaran francais menerusi pejabat cawangan dan ibu pejabat di Chicago, Amerika Syarikat.

Affandy berkata, antara perkhidmatan ditawarkan Francorp ialah kajian pasaran, latihan, perancangan perniagaan, strategi pemasaran dan perhubungan awam.

"Francorp memang lain berbanding konsultan pembangunan francais yang ada di Malaysia," katanya.

Francorp Inc adalah kumpulan firma pembangunan francais yang diasaskan Pengerusinya, Donald D Boroian.



Lain-lain Artikel:

» [Avon optimis produk baru](#)



Action canceled

Internet Explorer was unat
The page might be tempor

Please try the following:

- » Info
- » Waktu Solat
- » Gadis Metro
- » Sejarah Metro
- » Talian Metro
- » Team Pengarang
- » Team Metroneka
- » Kata Anda?
- » Arkib Seminggu



Portal Cari Kerja



Action canceled

Internet Explorer was
The page might be te

Please try the followi

- Click the R
- If you have vi what has bee click **Work O**
- For informatic click the **Hel**

Internet Explorer